

30 SEP 1998

Speaker - Umno

SPEAKER DUN MELAKA BERI AMARAN ADA PEMIMPIN BERPURA-PURA

MELAKA, 30 Sept (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini diminta mendedahkan nama pemimpin Umno bahagian yang terlibat dalam kegiatan subversif menjatuhkan Perdana Menteri bagi mengelak pemimpin seperti itu daripada terus berpura-pura.

Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Nasir Manap berkata tanpa pendedahan dan bukti, pemimpin yang terlibat dengan kegiatan itu akan terlepas daripada tindakan dan terus menjadi "musuh dalam selimut".

"Mereka boleh berpura-pura membuat pengumuman menyokong Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi menjalankan kegiatan subversif di belakang", katanya pada satu sidang media di sini.

Nasir bersama 20 ketua cawangan Umno Bahagian Kota Melaka yang hadir pada sidang media itu mendesak pucuk pimpinan bahagian supaya meletak jawatan kerana mengambil sikap "berbelah-bagi" dalam menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan dan parti.

"Kami mendesak ibu pejabat Umno menyiasat pucuk pimpinan bahagian yang dipercayai merupakan salah satu bahagian yang terlibat dengan kegiatan yang didedahkan oleh Mohamed Rahmat".

Isnin lepas, Mohamed yang juga ahli Majlis Tertinggi Umno berkata ada pemimpin bahagian dibayar elaun dan peruntukan sehingga RM2 juta bagi menjalankan kegiatan subversif bertujuan menjatuhkan kepimpinan Dr Mahathir.

Nasir yang juga bekas ketua bahagian Kota Melaka berkata kalangan pemimpin dan ahli Umno seluruh negara sedar berlakunya perkara yang didakwa itu tetapi sukar mendapat bukti yang terperinci kerana ia dijalankan secara sulit.

"Jika Mohamed Rahmat ada bukti eloklah dedahkan supaya tindakan dapat diambil".

Mengenai dakwaan terhadap pucuk pimpinan bahagian Kota Melaka, Nasir berkata pihaknya mempunyai bukti ada kalangan pemimpin bahagian terlibat menganjurkan ceramah reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pada 13 Sept lalu.

Beliau berkata pucuk pimpinan bahagian juga tidak pernah menyatakan pendirian secara tegas menyokong kepimpinan Dr Mahathir atau memanggil semua ketua cawangan dalam majlis penerangan mengenai politik semasa.

Bagaimanapun Ketua Bahagian Datuk Amid Nordin minggu lepas ada menyatakan sokongan kepada kepimpinan Dr Mahathir dalam satu majlis anjuran Umno bahagian tetapi Nasir berkata beliau dan pemimpin 20 cawangan lain tidak dijemput.

--BERNAMA

MOZ oba